



KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR  
DAN PERUBAHAN IKLIM

# SIARAN MEDIA

## PERLIS, LIPIS GEOPARK DIKTIRAF GEOPARK KEBANGSAAN

Perlis dan Lipis Geopark telah diiktiraf sebagai Geopark Kebangsaan yang ke-10 dan ke-11 di bawah Program Pembangunan Geopark oleh Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC).

Pengiktirafan ini telah dibuat melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Geopark Kebangsaan Bil. 2 Tahun 2023** yang diadakan pada 9 November 2023.

Pengiktirafan ini merupakan satu lagi pencapaian negara, khususnya kepada Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan. Usaha memelihara geotapak yang mempunyai nilai warisan luar biasa (*geosite of extraordinary heritage values*) ini seiring dengan Agenda Pembangunan Nasional dan Matlamat Pembangunan Mampan 2030 di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perlis Geopark berkeluasan 1,001 kilometer persegi termasuk sempadan laut, dengan bilangan penduduk sekitar 284,000 orang. Ia kaya dengan kepelbagaian geologi (23 geotapak), kepelbagaian biologi (8 biotapak), dan budaya tempatan (12 tapak budaya). Daripada 23 geotapak terdapat tiga (3) bertaraf antarabangsa, 14 bertaraf kebangsaan dan enam (6) bertaraf tempatan.

Keunikan geologi yang ada di Perlis Geopark ialah ia mempunyai unit batuan tertua di Malaysia yang berusia antara 541 juta sehingga unit batuan yang berusia 66 juta tahun. Pengunjung boleh melihat kepelbagaian bentuk muka bumi yang terdiri daripada formasi batu kapur, perbukitan kars, perbukitan rendah beralun dan dataran pantai. Banjaran Nakawan yang menganjur sepanjang sempadan Malaysia-Thailand (36km) merupakan bukit batu kapur yang terpanjang di Malaysia.

Manakala, Lipis Geopark berkeluasan 5,198 kilometer persegi dan meliputi 10 mukim di daerah Lipis dengan bilangan penduduk seramai 114,000 orang. Kawasan Lipis kaya dengan kepelbagaian geologi (28 geotapak) dan biologi (enam biotapak), serta budaya tempatan (sembilan tapak budaya).

Daripada 28 geotapak, satu (1) daripadanya bertaraf antarabangsa, lima (5) bertaraf rantau, lapan (8) bertaraf kebangsaan, satu (1) bertaraf negeri dan 13 bertaraf tempatan.

Lipis Geopark yang terletak di kaki Timur Banjaran Titiwangsa dan dalam Jalur Emas Semenanjung Malaysia mempunyai kepelbagaian geologi yang tinggi. Ia terdiri daripada batuan sedimen dan igneus (batuan yang terbentuk akibat pembekuan magma), serta fosil pelbagai spesies yang terletak di dalam kawasan perlindungan di Taman Negara dan Hutan Simpan Kekal.

Taman Negara Sungai Relau di Merapoh merupakan antara pusat kepelbagaian biologi yang merekodkan 194 spesies flora termasuk spesies endemik. Antara flora istimewa yang dijumpai ialah *baeckea frutescens*, **satu spesies tumbuhan dalam keluarga *Myrtaceae* yang terdapat di hutan tropika Asia Tenggara, New Guinea dan utara Australia**. Ia membentuk litupan unik seperti hutan bonsai di puncak Gunung Tahan manakala spesies fauna pula ialah harimau Malaya, gajah Asia dan sebagainya.

Pengiktirafan Geopark ke-10 dan ke-11 ini adalah selepas Lembah Kinta dan Lenggong di Perak; Jerai di Kedah; Kinabalu di Sabah; Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan; Sarawak Delta di Sarawak; Gombak-Hulu Langat di Selangor; Stong di Kelantan; dan Kenyir di Terengganu.

Selain daripada itu, Malaysia juga mempunyai dua UNESCO Global Geopark (UGGp) iaitu Langkawi yang telah diperakukan sejak tahun 2007 dan Kinabalu yang diperakukan sebagai UGGp pada 24 Mei 2023.

Pelan Pembangunan Geopark Negara 2021-2030 dan Pelan Pelaksanaan Geopark Negara akan dijadikan rujukan dan panduan

kepada semua agensi Persekutuan dan Negeri serta pihak-pihak berkepentingan untuk membangunkan geopark masing-masing.

NRECC yakin kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dapat memastikan geopark diurus dengan baik dan mengalu-alukan sebarang bentuk kerjasama di kawasan berkepentingan geologi bagi tujuan penyelidikan saintifik, pendidikan, penjanaaan ekonomi penduduk setempat, dan pembangunan mampan.

**KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**  
**17 NOVEMBER 2023**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia